

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 22 JUN 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 18

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1522-L09704
Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan secara terperinci berkenaan mekanisme Kerajaan mengenai pelaksanaan stesen minyak tanpa subsidi serta mekanisme pengawalan minyak bersubsidi.

2. PN-1522-L09679
Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah statistik semasa penglibatan wanita bagi jawatan utama Kerajaan dan juga selaku pembuat keputusan untuk sektor swasta serta apakah hala tuju baharu bagi merapatkan jurang gender dalam kerjaya utama.

3. PN-1522-L09553
Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan pendekatan Kementerian untuk merencanakan lagi minat pelajar sekolah dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

4. PN-1522-L09440
Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah cara-cara penambahbaikan penyasaran kategori T20, M40 dan B40 yang akan dilaksanakan oleh Pangkalan Data Utama (PADU) yang diumumkan oleh YB Menteri. Bolehkah penetapan semula kategori pendapatan ini mengambil kira faktor kos sara hidup di luar bandar dan bandar mengikut negeri.

5. PN-1522-L09312
Tuan Isaiah A/L D Jacob minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk memberikan rebat pelepasan cukai bagi pembelian kenderaan bermotor berjenama tempatan di bawah harga RM45,000 untuk golongan sasaran Orang Kurang Upaya berkategori B40 dan M40.
6. PN-1522-L09663
Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan berapakah jumlah kadar kemasukan pelajar baharu yang mendaftar di ASWARA bagi pengambilan tahun 2023. Apakah program-program pengajian yang ditawarkan di ASWARA bagi sesi akademik tahun 2023/2024 dan juga nyatakan kadar kemasukan pendaftaran bagi pelajar baharu di kesemua program tersebut termasuk program separuh masa bagi orang awam.
7. PN-1522-L09085
Tuan Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah pihak Kementerian ingin mewajibkan para penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) menggunakan kamera badan bagi meningkatkan nilai integriti agensi penguatkuasaan tersebut serta melindungi pegawai daripada menjadi mangsa fitnah ketika menjalankan tugas serta berapakah jumlah peruntukan yang diperlukan.
8. PN-1522-L09594
Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status terkini kemajuan projek lebuh raya Lingkaran Tengah Utama (Central Spine Road) berbanding jadual asal projek tersebut.
9. PN-1522-L09687
Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah penglibatan pihak GLC dengan pihak industri dalam usaha Kerajaan untuk memperkasakan kebolehpasaran graduan dan memenuhi permintaan industri.
10. PN-1522-L09383
Tuan Seruandi bin Saad minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah pelan strategik dalam merangka dan melaksanakan program-program khas untuk pembangunan belia.

11. PN-1522-L09256
Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah indeks obesiti kanak-kanak bawah 18 tahun sepanjang 10 tahun yang lepas mengikut negeri serta apakah strategi dan tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk menangani isu ini.
12. PN-1522-L09316
Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pelan tindakan bagi memastikan bahawa warga emas dalam kalangan kumpulan B40 yang tidak pernah dapat dijaga oleh keluarga mereka boleh diberi jagaan di bawah naungan pihak Kementerian.
13. PN-1522-L09267
Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah strategi dan usaha Kementerian untuk menolong seramai hampir 90,000 pemohon lepasan SPM tahunan yang layak tetapi gagal mendapat penempatan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atas pelbagai faktor.
14. PN-1522-L09355
Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah yang menjadi punca mutu penyelenggaraan jalan-jalan raya terutama di kawasan luar bandar tidak begitu memuaskan dan bilakah masalah ini akan dapat diatasi.
15. PN-1522-L09060
Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan piawaian serta pematuhan baharu yang dikenakan terhadap mana-mana penganjur acara yang ingin mendapatkan kelulusan Perbadanan Stadium Malaysia untuk menggunakan Stadium Nasional Bukit Jalil sebagai tempat bagi penganjuran acara muzik khususnya konsert kumpulan Coldplay yang akan diadakan pada November nanti.
16. PN-1522-L09509
Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini pelaksanaan Dasar Generasi Penamat (GEG) dan bagaimana keputusan untuk mengeluarkan produk cecair atau gel nikotin dari Akta Racun 1952 dijangka akan menjejaskan pelaksanaan dasar ini secara menyeluruh.

17. PN-1522-L09757
Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah atau akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mengelakkan pembalakan haram di Sarawak sedangkan negeri tersebut mencatatkan pembalakan tertinggi pada tahun 2022. Selain itu, syarikat manakah yang telah mendapatkan lesen pembalakan bagi menjalankan aktiviti pembalakan di Sarawak.
18. PN-1522-L09347
Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah komitmen dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi tahun ini dalam usaha untuk mengurangkan pelepasan karbon yang semakin meningkat di mana sektor pengangkutan merupakan penyumbang utama situasi ini.
19. PN-1522-L09639
Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi rungutan orang ramai mengenai masalah mempengaruhi media sosial yang sering melakukan aksi mencolok mata dan lucah demi melariskan produk jualan mereka sehingga mencetuskan rasa kurang senang dalam kalangan penonton yang berbilang bangsa.
20. PN-1522-L09390
Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan tindakan yang telah diambil terhadap Universiti Teknologi MARA di atas kebocoran data lebih 11,000 pemohon universiti berkenaan.
21. PN-1522-L09417
Dato Dr. Nuing Jeluing minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha reformasi institusi yang akan diambil bagi memenuhi aspirasi Malaysia Madani.
22. PN-1522-L09819
Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan usaha untuk menggubal Akta Kebencian Agama dan Kaum bagi mengekang usaha memecahbelahkan masyarakat dengan sentimen perkauman.

23. PN-1522-L09114
Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat dalam meletakkan pelantikan jawatan-jawatan utama bagi agensi penguatkuasaan seperti Ketua Pesuruhjaya SPRM, Ketua Polis Negara, Peguam Negara, dan Ketua Setiausaha Negara di bawah sebuah Jawatankuasa Khas Parlimen Malaysia.
24. PN-1522-L09651
Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pelan tindakan Kerajaan dalam menghadapi masalah penurunan nilai mata wang Ringgit ketika ini yang dilihat mampu memberi kesan secara langsung dan tidak langsung kepada aktiviti pelaburan.
25. PN-1522-L09203
Datuk John Ambrose minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan jumlah wakil Senator (Ahli Dewan Negara) dari Sabah dan Sarawak agar ia lebih menyeluruh dan mencerminkan semangat Perjanjian Malaysia 1963 selain daripada mengembalikan 35 peratus kerusi Parlimen (Dewan Rakyat) di Sabah dan Sarawak.
26. PN-1522-L09039
Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah persediaan Kementerian dalam memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi sepanjang negara ini menghadapi keadaan cuaca yang tidak menentu termasuk cuaca kering dan panas selain bencana alam khususnya dalam keadaan luar jangka.
27. PN-1522-L09724
Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status terkini Akta Sewaan Kediaman bagi menangani isu-isu berkaitan penindasan sama ada terhadap tuan rumah mahu pun penyewa.
28. PN-1522-L09338
Datin Ros Suryati binti Alang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesediaan Kerajaan mereformasikan Jabatan Audit Negara serta setiap bahagian perolehan, tatacara kewangan dan tender di peringkat Kementerian sebagai langkah berani penjimatan bersepadu untuk mengatasi kebocoran sumber pendapatan negara.

29. PN-1522-L09157

Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan semasa penganjuran LIMA 2023 baru-baru ini, terdapat aduan mengenai harga barang makanan yang terlalu mahal di pusat-pusat pameran terutamanya di Mahsuri International Exhibition Centre (MIEC). Apakah sebab perkara ini berlaku dan apakah cara-cara untuk mengatasinya pada masa depan.

30. PN-1522-L09504

Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah taklimat diberikan kepada masyarakat Orang Asli Temiar berkenaan Projek Empangan Hidroelektrik Nenggiri di Gua Musang yang melibatkan kawasan penempatan mereka.

31. PN-1522-L09021

Tuan Aknan A/L Ehtook minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan buku agama-agama lain yang telah diterbitkan oleh DBP dan adakah Kementerian melalui DBP dan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia bercadang untuk meningkatkan bilangan buku rujukan pelbagai agama yang diterjemahkan kepada Bahasa Kebangsaan supaya lebih ramai masyarakat umum memahami kepercayaan antara satu sama lain dalam usaha untuk meningkatkan sikap toleransi dan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

32. PN-1522-L09601

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dasar dan pendirian terkini Kerajaan berkenaan penubuhan Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan yang ditubuhkan sejak tahun 1990.

33. PN-1522-L09191

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan kesan kenaikan tarif elektrik. Apakah langkah Kerajaan bagi memberi jaminan tiada peningkatan kos loji yang akan membebankan syarikat air negeri, seperti kos 'Imbalance Cost Pass Through' (ICPT) memandangkan komponen utama dalam kos operasi adalah elektrik.

34. PN-1522-L09395

Dato' Sri Ti Lian Ker minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terbaharu penggubalan Rang Undang-undang (RUU) Ombudsman Malaysia dan sejauh manakah adaptasi yang dibuat Kerajaan terhadap model ombudsman dari negara luar akan diguna pakai di dalam kerangka RUU yang sedang dirangka ini.

35. PN-1522-L09144

Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kaedah pemantauan kualiti yang dilaksanakan terhadap penyediaan makanan serta minuman di bawah Rancangan Makanan Tambahan (RMT) bagi setiap sekolah luar bandar dan pedalaman di wilayah Sabah dan bagaimanakah ia dapat memastikan penyediaan makanan RMT yang selamat, bersih dan bernutrisi.

36. PN-1522-L09250

Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kadar dan jumlah pesakit di bawah umur 21 tahun yang menghidap penyakit HIV, Hepatitis B dan C dan penyakit kelamin. Apakah strategi Kementerian untuk membendung penularan penyakit-penyakit jangkitan seksual ini dalam kalangan remaja.

37. PN-1522-L09457

Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan undang-undang manakah yang membenarkan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menggunakan budi bicara dengan meminta syarikat dan individu yang terlibat dalam penyelewengan Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Program Latihan (PenjanaKerjaya) untuk tampil secara sukarela menyerahkan semula tuntutan yang telah dibuat bagi mengelakkan pertuduhan di mahkamah.

38. PN-1522-L09215

Datuk John Ambrose minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :-

- (a) apakah usaha-usaha Kementerian bagi membantu para pekebun getah dalam menghadapi situasi kejatuhan harga getah pada masa kini; dan
- (b) apakah langkah-langkah Kementerian bagi meningkatkan pendapatan para pekebun getah yang berhadapan dengan kos sara hidup yang kian meningkat.

39. PN-1522-L09701
Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah status terkini berkenaan perancangan Kementerian untuk mewujudkan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) sebagai sijil tunggal dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara.
40. PN-1522-L09009
Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan jumlah peserta Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) di Negeri Sembilan yang telah disediakan sepenuhnya platform jana pendapatan setakat 31 Mei 2023 dan berapakah purata pendapatan sehari yang telah dijana oleh peserta bagi setiap inisiatif setakat tempoh tersebut.
41. PN-1522-L09452
Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah rancangan jangka masa pendek dan panjang bagi banduan wanita yang berada dalam penjara bagi mempersiapkan para banduan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran supaya mampu menyara hidup setelah selesai tempoh hukuman.
42. PN-1522-L09351
Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam menghasilkan buku-buku yang diusahakan agensi-agensi di bawah Kementerian iaitu DBP dan ITBM bagi menyokong hasrat Kerajaan dalam menyemarakkan konsep Madani.
43. PN-1522-L09303
Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan bagaimanakah Kerajaan boleh mempercepatkan transisi tenaga kepada tenaga yang boleh diperbaharui dan apakah sasaran yang ingin dicapai oleh Kerajaan menjelang tahun 2030.
44. PN-1522-L09572
Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan :-
- (a) apakah pendirian Kerajaan berhubung pra syarat perjanjian antara pengguna dan penyedia perkhidmatan telekomunikasi dan wifi atau fiber yang hanya menawarkan kontrak perkhidmatan minimum selama 24 bulan dan mengenakan penalti sebanyak 24 bulan jika seseorang pengguna membuat keputusan untuk menamatkan perkhidmatan terbabit secara lebih awal; dan

- (b) adakah Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk mendorong syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan untuk mewujudkan pelan-pelan yang bersifat jangka masa pendek seperti 6 bulan atau 12 bulan supaya pengguna mempunyai lebih banyak pilihan.
45. PN-1522-L09066
Tuan Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah terdapat tatacara pelupusan barangan rokok elektronik terutamanya bagi rokok elektronik pakai buang yang menerima permintaan tinggi di pasaran setelah Kerajaanewartakan duti eksais bagi cecair rokok elektronik dengan kandungan nikotin pada kadar RM0.40 bagi setiap mililiter berkuat kuasa April lalu.
46. PN-1522-L09402
Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah penelitian Kementerian terhadap cadangan bagi merangka polisi berkenaan kesihatan suara dan keselamatan peti suara bertujuan melindungi golongan profesional yang menggunakan suara dalam kerjaya dan garis masa yang dijangka bagi mengimplementasikan polisi ini di negara kita.
47. PN-1522-L09426
Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah mekanisme yang diguna pakai oleh Kementerian dalam membekalkan tenaga kerja kesihatan yang mencukupi pada setiap masa di Hospital dan Klinik Kesihatan Kerajaan.
48. PN-1522-L09813
Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah rasionalnya penubuhan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) di negeri pembangkang dan nyatakan berapakah jumlah elaun setiap JPKKP yang dibayar oleh Kementerian.
49. PN-1522-L09167
Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan mengenai masalah pengguna yang tidak biasa menggunakan teknologi digital dan tidak memiliki kemampuan untuk melakukan transaksi secara dalam talian. Apakah keadaan ini membataskan pertumbuhan sektor e-dagang dan digital di Malaysia.

50. PN-1522-L09234
Datuk Bobbey Bin Suan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan skim perlindungan sosial untuk rakyat berumur 65 tahun ke atas yang tidak menerima pencen Kerajaan atau pun pencen PERKESO.
51. PN-1522-L09015
Tuan Aknan A/L Ehtook minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan hasil kajian yang dilakukan ke atas cadangan untuk mewajibkan kursus pra perkahwinan kepada semua bakal pengantin bukan Islam dan apakah garis masa yang ditetapkan ke arah merealisasikan perkara ini.
52. PN-1522-L09108
Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah penggunaan kamera badan pada anggota polis akan dilaksanakan demi mengurangkan kes-kes aduan terhadap polis.
53. PN-1522-L09786
Datuk Paul Igai minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membantu syarikat-syarikat dan juga golongan belia dalam program eUsahawan khususnya dalam pemasaran digital dan e-dagang. Bagaimanakah prestasi program ini dan apakah cabaran yang dihadapi oleh Kementerian khususnya dalam kalangan belia di luar bandar.
54. PN-1522-L09720
Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bagaimanakah organisasi sukan dan badan pentadbiran Malaysia dapat mencipta hubungan yang lebih mesra dengan atlet dan pelatih bagi membina persekitaran yang lebih kondusif dalam pengembangan bakat atlet serta meningkatkan peluang Malaysia untuk meraih keberhasilan di kejohanan tempatan dan antarabangsa seperti Sukan SEA.
55. PN-1522-L09552
Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh Kementerian dalam mengawal kejatuhan harga sayuran/lambakan sayuran tempatan yang menyebabkan kerugian kepada petani tempatan.

56. PN-1522-L09306
Tuan Isaiah A/L D Jacob minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah kali Akta Orang Kurang Upaya (OKU) 2008 telah disemak sehingga April 2023 oleh Kementerian.
57. PN-1522-L09697
Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan tentang budaya songsang seperti LGBT serta apakah langkah-langkah yang telah dan sedang dilakukan bagi membendungnya.
58. PN-1522-L09569
Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan pencapaian skim Insentif Pengeluaran Getah (IPG) dalam membantu penoreh getah, iaitu jumlah peruntukan tahun 2022, berapakah nilai dan bilangan penoreh getah membuat tuntutan serta jumlah penoreh getah yang mendapat manfaat daripada skim berkenaan.
59. PN-1522-L09798
Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang dilakukan dalam memastikan budaya songsang Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender Dan Queer (LGBTQ) ini tidak menular dalam golongan kanak-kanak dan remaja yang meningkat dewasa.
60. PN-1522-L09291
Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah status Program Pencarian dan Pembangunan Bakat atau My Talent Identification and Development (MyTID) yang telah dilancarkan pada tahun 2021 sebagai inisiatif Kerajaan dalam mencungkil bakat murid dalam arena sukan.
61. PN-1522-L09072
Tuan Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan adakah terdapat sebarang kajian serta inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian melalui Pasukan Tindakan Kecemasan Komputer Malaysia (MyCERT) bagi memerangi jenayah penipuan dalam talian yang semakin membimbangkan.

62. PN-1522-L09670

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-

- (a) apakah perkembangan terkini bagi Rang Undang-undang berkaitan pengurusan penginapan jangka masa pendek di Malaysia; dan
- (b) adakah pengusaha penginapan jangka masa pendek wajib membuat pendaftaran.

63. PN-1522-L09672

Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah perkembangan semasa pelaksanaan Pelan Transformasi Digital Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan jangkaan untuk memperkenalkan modul komunikasi digital di TABIKA KEMAS.

64. PN-1522-L09163

Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan langkah strategik bersama Kementerian Dalam Negeri untuk mencegah dan menghapuskan kegiatan 'scammer' di negara ini serta apakah tindakan untuk menyebarkan kesedaran penipuan dalam talian supaya rakyat tidak mudah terpedaya.

65. PN-1522-L09660

Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk memadukan Undang-undang Am atau 'Common Law' dengan undang-undang yang berasaskan agama Islam dan budaya setempat seperti Undang-undang Adat.

66. PN-1522-L09587

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membuat pembaharuan yang boleh dilaksanakan dalam pengurusan TASKA swasta berdaftar seperti mewajibkan penggunaan aplikasi khas yang membolehkan ibu bapa mengakses aktiviti harian anak sepanjang mereka berada di TASKA bagi mencegah kes yang tidak diingini daripada berlaku.

67. PN-1522-L09105

Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan termasuklah perkembangan terkini berkaitan dengan Pulau Batu Puteh.

68. PN-1522-L09473

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR) merangkumi semua aspek sedia ada seperti mana yang terkandung dalam Pelan Hala Tuju Tenaga Boleh Baharu Malaysia (MyRER) dan tindakan holistik melalui NETR mestilah lebih inklusif kepada semua bidang termasuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

69. PN-1522-L09262

Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah keberkesanan program Rakan Muda dan adakah program ini dapat dibangunkan semula untuk meningkatkan kesedaran dan keterlihatan (visibility) agensi sukan negeri untuk mencungkil bakat dari akar umbi masyarakat terutamanya dalam kalangan anak-anak muda.

70. PN-1522-L09535

Dato' Juhani binti Abd Aziz minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah status pelaksanaan rangkaian 5G yang sedang diusahakan oleh Kementerian serta keberkesanannya.

71. PN-1522-L09731

Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan justifikasi yang dilakukan oleh pihak Kerajaan untuk menarik balik larangan eksport tenaga boleh diperbaharui dan sejauh mana pemansuhan tersebut memberi kesan kepada negara.

72. PN-1522-L09049

Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan bahawa Digital Nasional Berhad (DNB) mempunyai sasaran baru untuk 2023 iaitu sebanyak 80 peratus liputan kawasan populasi :-

- (a) apakah usaha bagi memastikan ia dapat mencapai sasaran baru dari segi kesinambungan fasiliti dan arah tuju projek 5G negara; dan
- (b) apakah asas DNB dilabelkan sebagai entiti monopoli kerana modelnya adalah pemulihan kos dan bukannya keuntungan seperti syarikat-syarikat telekomunikasi lain.

73. PN-1522-L09331
Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan mengapakah kadar kemiskinan dalam kalangan pesawah padi masih tinggi walhal mereka membanting tulang untuk menghasilkan makanan supaya rakyat Malaysia tidak berlapar.
74. PN-1522-L09242
Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah usaha Kerajaan Persekutuan untuk membantu Kerajaan-kerajaan Negeri menyelesaikan isu bekalan elektrik dan air yang masih berlarutan khususnya di wilayah Sabah.
75. PN-1522-L09638
Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) berapakah peratusan penyelesaian perdagangan (trade settlement) di antara Malaysia dan China dalam Renminbi; dan
 - (b) apakah usaha-usaha Kerajaan dan Bank Negara Malaysia untuk menambahkan perdagangan dua hala dalam mata wang Ringgit dan Renminbi.
76. PN-1522-L09743
Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan Kementerian dalam mengetengahkan literasi politik kepada pelajar Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah di Malaysia. Hal ini penting untuk memberi pendedahan awal memandangkan statistik belia (15-30 tahun) hampir 30% dan kelayakan mengundi di Malaysia adalah mereka yang berusia 18 tahun dan ke atas.
77. PN-1522-L09178
Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian akan menyambung pembinaan Jalan Persekutuan Bintulu-Bakun seterusnya dari Bakun hingga ke Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (CIQ) Tapak Megah yang lebih dekat dengan Nusantara, Indonesia untuk mendapatkan limpahan kemajuan yang ditumpukan oleh Indonesia di ibu negara mereka yang baru, memandangkan lokasi Nusantara berdekatan dengan Daerah Belaga, Sarawak.

78. PN-1522-L09096

Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah status Projek Kerajaan Persekutuan di bawah PERDA iaitu Bazar Perdana Bukit Perda Bukit Mertajam dari tahun 2004 sehingga kini yang terbengkalai (projek sakit) di mana hampir seribu pembeli lot-lot di premis tersebut tidak dapat berniaga dan apakah usaha Kerajaan untuk menyelesaikan isu ini.

79. PN-1522-L09630

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apa mekanisme dan hala tuju Kerajaan untuk memperkasakan industri hiliran (downstream) minyak dan gas di W.P Labuan.

80. PN-1522-L09479

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sejauh mana keberkesanan Pelan Hala Tuju Tenaga Boleh Baharu Malaysia (MyRER) 2022-2035 untuk suku pertama dan kedua tahun ini.

81. PN-1522-L09027

Tuan Aklan A/L Ehtook minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan yang telah dibuat untuk mengurangkan permintaan dan harga rumah di bandar-bandar utama dengan menambah jaringan pengangkutan awam seperti LRT/MRT/KTM ke kawasan-kawasan pinggir bandar agar orang ramai boleh tinggal dan berulang alik dengan selesa dan murah. Dimanakah kawasan-kawasan pinggir bandar yang dikenal pasti untuk tujuan tersebut.

82. PN-1522-L09411

Dato Dr. Nuing Jeluing minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sebab-sebab kes penipuan (scam) makin meningkat dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mencegah kes ini terus berlaku. Adakah terdapat kajian yang dibuat untuk menentukan faktor-faktor yang menyebabkan penipuan ini berlaku.

83. PN-1522-L09054
Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bentuk kawalan serta pemantauan tegas terhadap aktiviti-aktiviti sukan luar (outdoor) yang dikendalikan oleh sekolah sukan di setiap negeri sebagai usaha untuk melindungi atlet pelajar daripada risiko strok haba serta risiko-risiko kesihatan yang lain tanpa menjejaskan persediaan mereka untuk menyertai sebarang kejohanan.
84. PN-1522-L09578
Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status siasatan oleh setiap agensi Kerajaan terhadap dakwaan Perdana Menteri bahawa parti-parti politik dalam Perikatan Nasional menerima sumbangan dana daripada syarikat perjudian semasa kempen Pilihan Raya Umum yang lepas.
85. PN-1522-L09209
Datuk John Ambrose minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan strategi Kerajaan untuk menggalakkan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) menyambung pengajian dalam bidang TVET.
86. PN-1522-L09792
Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah segera dan jangka masa panjang bagi menarik minat anak-anak muda lepasan sekolah menengah melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.
87. PN-1522-L09445
Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah caj transaksi pengeluaran RM1 yang telah dikutip oleh pihak bank sejak ia diperkenalkan semula dan bolehkah Kerajaan mengambil RM1 ini untuk Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bagi membantu rakyat B40.

88. PN-1522-L09376

Tuan Seruandi bin Saad minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bilakah Kementerian akan mewujudkan pengurusan persatuan belia yang proaktif dan bukan hanya sekadar pada nama persatuan belia namun pada hakikatnya tiada organisasi pertubuhan yang sah di tempat terbabit.

89. PN-1522-L09360

Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status terkini perancangan penarikan subsidi terhadap golongan T20.

90. PN-1522-L09132

Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan inisiatif dan perlindungan yang diberikan kepada golongan B40 dan M40 supaya tidak terbeban daripada kesan kolateral kenaikan tarif elektrik pengguna bukan domestik bervoltan sederhana (MV) dan tinggi (HV) termasuklah Perbadanan Multinasional (MNC) di mana kos pengeluar berkemungkinan besar akan dipindah ke atas rakyat biasa.

91. PN-1522-L09033

Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah yang telah dan akan dilakukan oleh Kerajaan bagi mengurangkan beban rakyat khususnya peminjam berikutan kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR) dan adakah perubahan dalam OPR ini akan mendatangkan kesan terhadap kadar inflasi negara.

92. PN-1522-L09043

Datuk Razali bin Idris minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan tidak bercadang untuk menggubal satu undang-undang mencegah dana Kerajaan digunakan sebagai ugutan kepada pengundi terutama dalam zon pilihan raya.

93. PN-1522-L09542

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam mengetengahkan literasi politik kepada pelajar Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah di dalam negara bagi memastikan mereka menjadi pengundi yang bertanggungjawab.

94. PN-1522-L09168
Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk mengembangkan lagi peranannya dalam mengadakan lebih banyak aktiviti dan menambah peruntukan bagi memupuk perpaduan yang lebih baik dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum seperti mana yang dizahirkan melalui Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI semasa merasmikan Minggu Perpaduan pada 21 Mei 2023 yang lalu bahawa perpaduan adalah aset negara.
95. PN-1522-L09274
Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk meningkatkan penglibatan belia di seluruh pelosok kepimpinan Kerajaan dan perkhidmatan awam sebagai sebuah kuasa utama di dalam pelaksanaan dan pembudayaan Malaysia Madani.
96. PN-1522-L09333
Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah program-program dan peruntukan yang diperkenalkan oleh Kementerian untuk memberikan latihan kecemasan kepada pegawai pentadbir sekolah dan guru-guru khususnya guru-guru yang ditugaskan di kawasan luar bandar.
97. PN-1522-L09492
Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kerajaan akan menyerahkan semula penjagaan Tanam Semula Komersial (TSK) Kg Orang Asli Bukit Rok, Bera di Pahang dan sekiranya ada, bilakah jangkaan akan diserahkan semula kepada para peserta.
98. PN-1522-L09090
Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mewujudkan satu Jawatankuasa Tetap Khas yang mengkaji isu-isu berkaitan dengan Agama Islam dan Bukan Agama Islam bagi menangani isu-isu sensitif antara agama agar kekeliruan dalam masyarakat tidak berlaku. Contohnya, isu pembesar suara azan yang pernah berlaku di Selangor tidak lama dahulu dan terbaharu berlaku lagi di Pulau Pinang.

99. PN-1522-L09612

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah penguatkuasaan Kementerian dalam menyelia dan mengaudit ketelusan dan kredibiliti aktivis Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang melakukan kutipan derma atau sumbangan serta menyatakan statistik aduan yang diterima mengenai NGO yang menyalahgunakan dana tersebut untuk kepentingan peribadi.

100. PN-1522-L09407

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah pengambilan pelajar melalui saluran terbuka Universiti Awam mengkompromi penempatan pelajar melalui saluran UPU.

101. PN-1522-L09225

Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah inisiatif Kerajaan dalam membantu Kontraktor G1 dan G2 yang terkesan dengan ketidaktentuan ekonomi negara serta harga barangan binaan yang tidak menentu ketika ini.

102. PN-1522-L09608

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk meneruskan projek pelancaran satelit negara ke angkasa lepas seperti RazakSAT dan TiungSAT-1.

103. PN-1522-L09182

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan mengenai :-

- (a) kenaikan tarif elektrik boleh mempengaruhi daya saing industri dengan mengurangkan keuntungan bersih mereka; dan
- (b) bagaimana Kementerian membantu industri yang bergantung kepada penggunaan tenaga elektrik yang tinggi seperti pembuatan, pemprosesan makanan dan minuman, dan kilang-kilang yang menggunakan mesin yang besar mungkin terjejas teruk dengan kenaikan tarif ini.

104. PN-1522-L09463

Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah rangka tindakan atau pelan jangka panjang yang telah diusahakan oleh Kerajaan bagi mengenal pasti bakat-bakat muda sukan dari Sekolah Rendah tanpa mengira bangsa dan seterusnya memastikan bakat-bakat ini dapat mewakili negara dalam bidang sukan.

105. PN-1522-L09149

Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bentuk sokongan yang disediakan secara langsung oleh agensi-agensi berkaitan Kementerian dalam menyediakan platform jana pendapatan kepada golongan petani luar bandar di negeri-negeri berpendapatan rendah khususnya di Sabah yang menjadi peserta bagi Inisiatif Usahawan Tani (INTAN) yang dikelola menerusi Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR).

106. PN-1522-L09485

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian akan menggunakan data dari Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) melalui pemberian Sumbangan Tunai Rahmah (STR) sebagai panduan dalam pemberian subsidi bersasar supaya ada ketelusan dari segi pemberian dan setiap isi rumah dari kumpulan B40 serta M40 dapat menikmati subsidi bersasar.

107. PN-1522-L09136

Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk mewujudkan sebuah akademi sukan khususnya untuk sukan bola sepak profesional sepenuh masa yang menawarkan latihan bola sepak, pendidikan dan penginapan bagi menampung permintaan anak-anak cilik ke atas sukan tersebut. Hal ini berikutan banyak berita mengenai anak-anak cilik yang kecewa kerana tidak dapat memasuki Akademi JDT disebabkan tempat yang terhad.

108. PN-1522-L09761

Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk mengawal kenaikan harga barangan setelah kenaikan bil elektrik yang begitu ketara.

109. PN-1522-L09585

Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-

- (a) apakah perancangan yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian bagi menyokong pembangunan kawasan pelancongan Gunung Baling dan Gunung Pulai serta 17 gua-gua menarik yang ada di kawasan terbabit; dan
- (b) berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan sehingga kini.

110. PN-1522-L09739

Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah agresif dilakukan oleh pihak Kementerian dalam memperkasakan TVET dan institusi pengajian di negara ini dalam berhadapan dengan ancaman teknologi Kecerdasan Buatan (AI).

111. PN-1522-L09803

Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk melaksanakan pas penerbangan pelajar atau tiket penerbangan pelajar kepada pelajar yang belajar di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

112. PN-1522-L09297

Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk melahirkan lebih ramai usahawan wanita di desa yang bermutu tinggi dan mampu menjana pendapatan kepada keluarga.

113. PN-1522-L09623

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan berhubung perundingan 'Code of Conduct' di Laut China Selatan memandangkan terdapat negara asing yang terus melaksanakan tindakan-tindakan yang jelas tidak selaras dengan peruntukan undang-undang antarabangsa termasuklah UNCLOS 1982.

114. PN-1522-L09315

Tuan Isaiah A/L D Jacob minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan dalam menangani masalah pendaftaran automatik UNDI 18 bagi golongan OKU Mental kerana masih tiada sebarang integrasi sistem antara pihak Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) seperti JPN menyediakan maklumat rakyat berusia 18 tahun untuk didaftarkan ke Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) manakala JKM adalah agensi yang mendaftarkan status individu OKU.

115. PN-1522-L09646

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk meningkatkan penguatkuasaan undang-undang jalan raya bagi memastikan kenderaan yang menggunakan jalan raya mematuhi lampu isyarat terutamanya pengguna motosikal yang melanggar lampu isyarat secara berleluasa dan membahayakan pengguna jalan raya yang lain.

116. PN-1522-L09717

Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pelan tindakan Kerajaan bagi mempertahankan kedaulatan maritim negara dalam konflik pertindihan tuntutan Laut China Selatan melalui platform undang-undang antarabangsa.

117. PN-1522-L09563

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi memastikan setiap daerah di negara ini dapat menjadi pusat pengeluaran makanan yang khusus dan kukuh.

118. PN-1522-L09271

Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah Kerajaan merancang untuk menambah baik tahap kesaksamaan dan peluang pekerjaan yang sama di tempat kerja tanpa mengira isu jantina, etnik, dan fizikal. Nyatakan statistik atau data yang terkini berkenaan pembahagian pekerjaan berdasarkan faktor-faktor ini.

119. PN-1522-L09520

Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan :-

- (a) statistik pembiayaan Perniagaan Kecil dan Sederhana yang telah ditawarkan, dimohon, diluluskan dan diterima melalui Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) oleh TEKUN Nasional bermula tahun 2018 sehingga ke tahun 2023; dan
- (b) apakah usaha pihak Kementerian melalui agensi TEKUN Nasional untuk memastikan lebih ramai usahawan kecil dan sederhana dari masyarakat India dapat menerima manfaat melalui skim ini.

120. PN-1522-L09550

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan bagaimanakah sokongan oleh peniaga dan rakyat terhadap Menu Rahmah pada masa kini dan adakah Kementerian bercadang untuk memperuntukkan bantuan tertentu kepada peniaga supaya lebih ramai lagi dapat mengusahakan dan meluaskan Menu Rahmah.

121. PN-1522-L09327

Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengenai pembentangan pindaan Perkara 14 Perlembagaan Persekutuan yang telah lewat selama 7 bulan dan memberi kesan negatif kepada ibu-ibu Malaysia dan anak-anak mereka yang dilahirkan di luar negara, termasuk dalam akses perkhidmatan kesihatan, pendidikan, dan sentiasa risau akan kemungkinan dipisahkan secara paksa daripada keluarga mereka. Apakah langkah sementara yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk memastikan kepentingan terbaik kanak-kanak itu terpelihara.

122. PN-1522-L09527

Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan memastikan peniaga-peniaga Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan dapat bersaing dalam pasaran platform digital e-dagang bersama-sama dengan peniaga-peniaga asing yang turut bersama berniaga di platform yang sama.

123. PN-1522-L09129

Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan holistik daripada Kerajaan untuk menangani isu kesesakan penjara yang sudah melebihi kapasiti serta apakah bentuk reformasi yang ingin dilakukan oleh pihak Kementerian.

124. PN-1522-L09498

Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah pelajar lepasan TVET daripada kalangan masyarakat Orang Asli pada tahun 2019 sehingga 2022.

125. PN-1522-L09433

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan garis panduan tempoh bagi pelupusan senjata yang diguna pakai oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM). Apakah usaha untuk memastikan senjata yang dibekalkan kepada anggota polis tidak lapuk dan ketinggalan zaman.

126. PN-1522-L09468

Dato Dr. Nuing Jeluing minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah kesan pindaan Akta Pengangkutan Jalan 1957 [Akta 333] yang menaikkan kadar hukuman bagi kesalahan memandu di bawah pengaruh alkohol terhadap jumlah kemalangan yang telah menyebabkan kematian dan kecederaan parah di seluruh negara sejak undang-undang baru itu diguna pakai.

127. PN-1522-L09760

Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil atau akan diambil oleh Kerajaan untuk membantu usahawan penternakan ikan patin khususnya di Temerloh yang berdepan dengan pelbagai masalah misalnya harga palet makanan ikan yang melambung tinggi.

128. PN-1522-L09102

Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan adakah Kerajaan akan mengenakan hukuman yang lebih berat ke atas segelintir peniaga yang cuba menyimpan barang keperluan harian dan mengakibatkan kekurangan barangan di pasaran.

129. PN-1522-L09775

Datuk Paul Igai minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah kes kanser dalam kalangan kanak-kanak mengikut kategori negeri dan wilayah dan apakah langkah yang telah diambil sebagai tindakan pencegahan awal serta apakah rawatan yang paling berkesan.

130. PN-1522-L09079

Dato' Ajis bin Sitin minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah hala tuju Ladang Tanaman Semula Komersial (TSK) untuk Orang Asli yang telah diusahakan oleh RISDA Plantation Sdn. Bhd. semenjak hujung tahun 1999. Adakah ada usaha-usaha untuk menyerahkan TSK tersebut kepada peserta ladang itu untuk mereka usahakan sendiri.

131. PN-1522-L09632

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan boleh meningkatkan had pembelian individu bagi barangan bebas cukai untuk dilaksanakan bagi menjana ekonomi Wilayah Persekutuan Labuan dengan sebagai contoh dinaikkan had dari RM500 menjadi RM5000 tanpa mengira jenis barang yang dibeli.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 18/2023) Rang Undang-undang Tenaga Boleh Baharu (Pindaan) 2023 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”.**

(21 Jun 2023)

**[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar
Dan Perubahan Iklim]**

2. (D.R. 19/2023) Rang Undang-Undang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar
Dan Perubahan Iklim]**

3. (D.R. 20/2023) Rang Undang-Undang Fi (Jabatan Penyiaran Malaysia) (Pengesahan) 2023 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Komunikasi Dan Digital]

4. **Menteri Kesihatan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memahami akan perlunya satu dasar reformasi sistem kesihatan Negara melalui Kertas Putih Kesihatan, bagi meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan Rakyat supaya ia relevan dengan keperluan semasa dan masa hadapan.

Bahawa Dewan ini mendukung aspirasi Kerajaan untuk membina sebuah Negara yang sihat, di mana ekosistem kondusif diwujudkan supaya sistem kesihatan berdaya tahan serta mampan untk jangka masa panjang melalui Kertas Putih Kesihatan.

Bahawa Dewan ini menyokong bagi memastikan usaha reformasi ini kalis masa hadapan dan tidak terkesan dengan situasi politik mahupun perubahan pentadbiran Negara.

Bahawa Dewan ini meluluskan dan merestui dasar dan usaha yang komprehensif dan menyeluruh seperti yang diperkenalkan dalam Kertas Putih Kesihatan, dengan komitmen semua pihak berkepentingan sejajar dengan pendekatan Keseluruhan Negara (Whole of Nation) untuk sama-sama memikul tanggungjawab kesihatan sebagai satu usaha nasional.

Bahawa Dewan ini merestui dan mengesahkan Kertas Putih Kesihatan supaya menjadi hala tuju reformasi sistem kesihatan Negara untuk tempoh 15 tahun akan datang seperti yang dinyatakan dalam Kertas Perintah 29 Tahun 2023 iaitu Kertas Putih Kesihatan yang telah dibentangkan di Dewan Negara pada Rabu, 21 Jun 2023."

[Menteri Kesihatan]

5. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)** akan mencadangkan :-

“Menyedari bahawa dalam sistem akauntabiliti negara, Institusi Audit merupakan *oversight* agensi kepada Parlimen yang berperanan untuk mengesahkan semua aktiviti dan kewangan yang telah diluluskan oleh Parlimen dilaksanakan oleh cabang eksekutif. Ketua Audit Negara hendaklah menentukan sama ada pada pendapatnya wang telah digunakan untuk maksud yang diperuntukkan atau dibenarkan dan aktiviti yang berhubungan dengannya dijalankan atau diuruskan dengan cara yang cekap, dengan memberi perhatian sewajarnya terhadap keekonomian dan pengelakkan pembaziran atau keborosan seperti termaktub dalam Akta Audit 1957 [*Akta 62*].

Menyedari akan cabaran yang dihadapi oleh Ketua Audit Negara dalam menjalankan mandat dan tanggungjawabnya memerlukan perhatian yang serius daripada pihak berkaitan supaya isu yang dibangkitkan diberi perhatian sewajarnya manakala syor-syor utama yang terkandung dalam LKAN dilaksanakan dengan berkesan.

Menyedari bahawa LKAN telah dibentangkan di Dewan Negara pada Selasa, 21 Mac 2023 terdiri daripada.

- i. LKAN Tahun 2021 Siri 2 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan;
- ii. LKAN Tahun 2021 mengenai Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan; dan
- iii. LKAN Tahun 2021 Siri 2 mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan.

Memahami bahawa LKAN membangkitkan isu-isu ketakteraturan serius yang berlaku dalam perakaunan atau penjagaan wang awam atau simpanan awam serta pengurusan aktiviti Kerajaan dan syarikat Kerajaan yang memerlukan tindakan berkesan daripada kementerian, jabatan dan agensi yang diaudit.

Memperakui bahawa Kerajaan memandang serius isu yang dibangkitkan dalam LKAN dan YAB Perdana Menteri sendiri sudah mengarahkan agar Menteri terlibat meneliti isu dibangkitkan. Segala isu yang melibatkan ketirisan, ketidakpatuhan kepada peraturan, tidak mematuhi syarat dan kelemahan dalam perancangan perlu diteliti dan diambil pengajaran (*lessons learnt*) supaya tidak berulang dalam pelaksanaan aktiviti/program/projek akan datang.

Bahawa dalam Ketua Audit Negara melaksanakan mandatnya, Dewan yang mulia ini menyeru agar semua pihak bersatu hati dan menyokong Kerajaan agar dapatan Audit dan syor yang terkandung dalam laporan tersebut dapat diambil tindakan serius oleh pihak terlibat untuk mengatasi kelemahan yang ditemui dan seterusnya mengelakkan ketirisan wang awam daripada terus berlaku.”

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]